

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: 22 Jun 2021 9:19
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: BERITA HEPA : HEPA POST BIL.3 JUN 2021



22 JUN 2021 | 12 ZULKAEDAH 1442H

HEP ONLINE :

اَلْسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Y.Brs. Prof/Dr./Tuan/Puan

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

HEPA POST BIL.3 JUN 2021



2000 PELAJAR UUM TERIMA MANFAAT PROGRAM FOOD BANK SEMPENA PKPD



Seramai 2,000 orang pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menerima manfaat daripada Program Food Bank bersempena dengan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampus UUM Sintok, Kedah mulai 13-26 Jun 2021.

Kebanyakan daripada sumbangan yang diterima adalah daripada NGO-NGO dan orang perseorangan. Sumbangan ini termasuklah makanan kering seperti roti, biskut dan mee segera.

Di antara NGO yang memberikan sumbangan adalah terdiri daripada Pertubuhan Dhuafa Sejahtera, NGO Warga Kilang, Alumni UUM, Alumni Ladies UUM 96 dan lain-lain lagi.

Menurut Prof Madya Dr. Rajwani binti Md. Zain, Pengarah Bahagian Perkhidmatan dan Sokongan Pelajar UUM, sumbangan Food Bank yang diberikan tidak terhad kepada pelajar-pelajar B40 sahaja tetapi diberikan sama rata kepada seluruh pelajar-pelajar UUM yang lain termasuklah pelajar antarabangsa yang berada di dalam kampus semasa PKPD.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Prof. Madya Dr. Hendrik bin Lamsali berkata pihak universiti amat berterima kasih di atas sumbangan yang telah diberikan ini. Sekurang-kurangnya ia dapat meringankan beban kewangan universiti di dalam menghadapi penularan wabak Covid-19. Beliau amat mengharap supaya pihak-pihak lain dapat tampil ke hadapan untuk turut sama membantu universiti di dalam menghadapi saat yang mencabar ini.



UUM
Universiti Utara Malaysia

"CONNECT, REACT, IMPACT"

Tahniah

TEMPAT KETIGA

PERTANDINGAN VALLUVA KURAL 1.0 2021
(KATEGORI SASTERA TAMIL)
PERINGKAT KEBANGSAAN

ANJURAN  **5 JUN 2021**

Tulus ikhlas daripada
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni),
Dekan, Pengarah dan seluruh warga kerja Jabatan Hal Ehwal Pelajar

**KIRTANA KALIMUTHU
TARISHINI A/P MANI
NEESHALINI A/P PRABHAKARAN**
ORATOR BAHASA TAMIL UUM



TAHNIAH! TIGA PENDEBAT TAMIL UUM RAIH KEJAYAAN PERTANDINGAN VALLUCA KURAL PERINGKAT KEBANGSAAN

Bangga dengan kejayaan demi kejayaan yang dirangkul dalam arena Pengucapan Awam, Pasukan Debat Tamil Universiti Utara Malaysia di bawah UUM Student Excellence and Leadership Center (UUM SELECT) masih unggul menjuarai Tempat Ketiga dalam Pertandingan Valluva Kural 1.0 Competition 2021 peringkat Kebangsaan baru-baru ini.

Pendebat berbakat yang dimaksudkan terdiri daripada tiga pelajar wanita Kirtana A/P Kalimuthu dan Tarishini A/ P Mani dari UUMCOB serta Neeshalini A/ P Prabhakaran bersemangat juang menyertai kuiz sastera Tamil anjuran Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

"The Harder the battle, the sweeter the Victory", ucap mereka yang menerima sijil penyertaan serta wang tunai RM300 atas hasil usaha dan kerja berpasukan.

Selain UUM, lapan Universiti Awam turut bersaing dalam pertandingan ini yang mana Johan disandang oleh Universiti Malaysia Pahang (UMP) manakala Naib Johan milik tuan rumah UniSZA.

Tahniah! Semangat dan komitmen tiga pelajar ini berjaya meningkatkan imej UUM amat dihargai. Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin motivasi bagi melangkah lebih jauh untuk merangkul tahap yang maju ke hadapan dalam dunia pendebata.

Kejayaan ini telah menepati strategi UUM SELECT di bawah Award Recipient Project (A.R.T.).





e-Sport

e-Sport sempena Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Di sebalik banyak penundaan dan pembatalan kejohanan sukan ekoran penularan wabak Covid-19, Pusat Sukan Universiti Utara Malaysia (UUM) telah mengambil inisiatif sendiri dengan menganjurkan kejohanan e-Sport, secara di atas talian.

Kejohanan selama sehari yang melibatkan Inapan-inapan Siswa (INASIS) UUM serta jemputan penyertaan Universiti-universiti Awam yang lain telah mempertandingkan beberapa jenis permainan. Di antaranya ialah Playerknown's Battlegrounds Mobile (PUBG), FIFA, Bang-bang (MIBB) dan lain-lain lagi.

Menurut Pengarah Pusat Sukan UUM, Dr. Za'im Ahmad, Penganjuran Sukan e-Sport anjuran bersama Pusat Sukan UUM dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPPUUM) ini diadakan bertujuan untuk menggalakkan gaya hidup yang sihat dalam kalangan pelajar-pelajar UUM di samping dijadikan ia sebagai platform pemilihan pelajar-pelajar UUM untuk menyertai kejohanan di peringkat yang lebih tinggi.

Menurut beliau lagi, beberapa orang pegawai sukan di Pusat Sukan telah mengikuti kursus dan latihan berkaitan sukan tersebut serta telah mendalami teknik-teknik permainan dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Adalah diharapkan supaya anjuran Kejohanan Sukan e-Sport ini akan dapat membantu kerajaan di dalam mengekang penularan pandemik Covid-19 melalui kempen 'Stay at home'.





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.